

11 MAR 1998

PRESIDEN UNGA LAWAT MALAYSIA ESOK

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Presiden sesi ke-52 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN), Hennadiy Udovenko akan melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia mulai esok.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, Udovenko, yang juga Menteri Luar Ukraine, dijadual menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk bertukar-tukar pendapat mengenai pelbagai isu kepentingan Malaysia dan Ukraine di PBB.

Udovenko juga dijadual mengadakan rundingan dengan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Semasa lawatan itu juga beliau akan melawat pejabat PBB di sini, Kuala Lumpur City Centre, kilang Proton dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia, kata kenyataan itu.

Udovenko juga akan menemui anggota Majlis Pengelola Persatuan PBB Malaysia (UNAM) pada jamuan tengah hari bagi meraikannya.

Sebelum menjadi Menteri Luar Ukraine pada September 1994, beliau merupakan Duta Ukraine ke Poland dari 1992 hingga 1994. -- BERNAMA

ES NMO